



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (27)

Tarikh : 15 Mac 2021

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN  
BIL. 5 TAHUN 2021 : PENAMBAHBAIKAN PROSES PENYELENGGARAAN MAKLUMAT  
KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMAS**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Edaran LCA Bil. 2/2021 bertarikh 9 Mac 2021 adalah juga berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membuat penambahbaikan ke atas proses penyelenggaraan maklumat penerima bayaran (kod pembekal) bagi kumpulan penerima bayaran iGFMAS. Sehubungan itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dipohon untuk memberi perhatian ke atas perkara-perkara berikut :

2.1 Terdapat penambahan siri jujukan yang baharu bagi kumpulan penerima bayaran iaitu Kod Pembekal PANS. Kod Pembekal PANS ini bermula dengan 14 siri dan dikhususkan kepada Penerima Bayaran Bukan Pembekal yang menggunakan nombor Kad Pengenalan sebagai Nombor Pendaftaran Penerima Bayaran iGFMAS. Contoh penerima bayaran yang didaftarkan di bawah PANS adalah seperti berikut :

- i. Pelajar Institut Pengajian Tinggi
- ii. Orang Asli
- iii. Personel MySTEP
- iv. Sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam
- v. Bomba Bantuan
- vi. Polis Bantuan

2.2 JANM telah membuat penambahbaikan ke atas Modul Data Induk > Maklumat Pembekal di mana proses wujud dan kemaskini bagi empat kumpulan penerima bayaran berikut akan **dilakukan oleh PTJ** dalam Portal iGFMAS dan **diluluskan** oleh Pejabat Perakaunan (AO) mulai 11 Mac 2021. Empat (4) kumpulan penerima bayaran tersebut ialah :

BIL.	KUMPULAN PENERIMA BAYARAN	PERANAN	PENYEDIA	PELULUS
1.	NOTE (No. Anggota Tentera)	Wujud & Kemaskini	PTJ	AO
2.	PANS (Penerima Bayaran Bukan Pembekal)	Wujud & Kemaskini	PTJ	AO
3.	EMP (Penjawat Awam)	Kemaskini	PTJ	AO
4.	SUPP (Pembekal daripada migrasi data ABB atau ABT)	Kemaskini	PTJ	AO

- 2.3 PTJ adalah dipohon untuk mengemaskini peranan penyedia melalui Borang KEW290E-01-PIN.1/18 – Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa PTJ dan mengemukakan permohonan kepada AO melalui Service Desk (SOLMAN). Borang boleh dimuat turun daripada Portal JANM Negeri Sembilan di pautan berikut :

<http://www.anm.gov.my/index.php/perkhidmatan-negeri-sembilan/muat-turun-negeri-sembilan/borang>

- 2.4 Bagi tujuan semakan dan kelulusan oleh Pejabat Perakaunan, PTJ dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan (UKPP), JANM Negeri Sembilan secara emel [ns\\_ukpp@anm.gov.my](mailto:ns_ukpp@anm.gov.my) :

- i. Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMAS;
- ii. Salinan Kad Pengenalan yang diakui sah; dan
- iii. Salinan Penyata Bank terkini yang diakui sah.

- 2.5 Bagi Personel MySTEP yang telah didaftarkan di bawah Sistem eVendor (Kod Pembekal 60 siri) sebelum 11 Mac 2021, PTJ hendaklah membuat pendaftaran semula di dalam Portal iGFMAS untuk diklasifikasikan sebagai Kumpulan Penerima Bayaran PANS dengan No. Siri 14. PTJ dipohon untuk mengemukakan Borang Permohonan Hapus ID MySTEP 60 Siri (seperti di **Lampiran A**) untuk Personel MySTEP yang telah didaftarkan di bawah Kod Pembekal 60 siri ke Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan (UKPP), JANM Negeri Sembilan secara emel [ns\\_ukpp@anm.gov.my](mailto:ns_ukpp@anm.gov.my) selewat-lewatnya pada 31 Mac 2021. Manakala bagi penerima bayaran PANS selain MySTEP **tidak perlu** untuk didaftarkan semula melalui Portal iGFMAS.

3. Bersama-sama ini disertakan Manual Pengguna Modul Akaun Bayaran (rujuk Jenis 3) untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan, JANM Negeri Sembilan di talian 06-7686800 atau emel ke ns\_ukpp@anm.gov.my.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***'Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul'***

Saya yang menjalankan amanah,



**( MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M) )**

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan

